

# **Penginstitutionan Teras Norma 'Hormat' Dalam Menyatukan Nilai Manusia; Tumpuan Kepada Penyelesaian Konflik Etnik**

Nur Azuki Yusuff (nurazuki@umk.edu.my)

Yohan Kurniawan

Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah Universiti Malaysia Kelantan

## **Abstrak**

*Budaya, nilai dan norma adalah kayu ukur fitrah ketertinggian personaliti manusia. Tidak memiliki nilai teras norma tinggi boleh dikategorikan rendah jati diri dan hidup beragama. Begitu juga tahap penyelesaian konflik etnik ditentukan dengan sejauhmana ketinggian norma kehidupan masyarakat bernegara. Justeru, artikel ini berusaha mengetengahkan teras norma 'Hormat' beserta model idea yang diyakini sebagai aset utama integrasi, penyatuan etnik dan negara. Teras norma hormat perlu diinstitutionkan dalam masyarakat agar mampu menjadi pengupaya dalam menyelesaikan konflik etnik. Rangka idea ini cuba mengangkat hak manusia sejagat dalam usaha mengharmonikan kehidupan bermasyarakat atau sekurang-kurangnya mampu memantapkan idea sedia ada dan idea baru yang lebih mesra dan berkesan.*

## **Pendahuluan**


Masyarakat dunia kini dibelenggu dengan pelbagai isu kemanusiaan, antaranya ialah konflik etnik, samada ianya terfokus di institusi pemerintah mahupun masyarakat global. Secara jelas, cabaran terhadap budaya, nilai dan norma pada era globalisasi, penjajahan budaya (cultural imperialisme) berlaku melalui konspirasi media menyumbang kepada keruntuhan akal budi. Begitu juga peminggiran budaya yang membawa implikasi kepada pengikisan nilai agama, norma dan lain-lain yang menyebabkan pertambahan gejala sosial dan menjejaskan keharmonian masyarakat. Kesan yang amat kritikal melibatkan; gejala keruntuhan akhlak remaja sekarang di tahap meruncing, perangkaan statistik kes jenayah dan salah laku moral membabitkan golongan muda semakin serius dan budaya hedonism mengenyahkan para ulama dan cendekiawan. Sekiranya tidak berlaku penguatkuasaan institusi teras norma 'hormat', implikasi keruntuhan budaya, nilai dan norma kepada masa depan masyarakat Malaysia di abad ke-21 dibimbangi berlaku.

## **Pendefinisian Teras Norma 'Hormat'**

Sokongan dan dokongan berdirinya sesuatu samada fizik dan non fizik adalah 'teras'. Kebiasaannya teras menggambarkan sifat suatu pengupaya kepada prinsip, strategi dan elemen penting.

Norma ditakrifkan sebagai peraturan dan panduan yang dikongsi bersama bagi mengawal tingkah laku tertentu dalam kehidupan (Sh. Alawiyah Al-Sagof, 1985) atau kelakuan standard yang dikongsi bersama oleh anggota kumpulan dan dijangka mematuhi (Ting Chew Peh,

1983). Ia juga bermaksud perlakuan yang secara tersirat difahami, dimiliki dan dilaksanakan oleh ahli-ahli dalam masyarakat. (Sufean Hussin, 1987). Ringkasnya ia boleh digambarkan sebagai satu batas dan garis pemisah antara dua bentuk nilai berbeza iaitu baik dan buruk. Norma biasa dikaitkan dengan bentuk kawalan supaya tidak melanggar atau melangkaui batas ke arah keburukan/negatif. Antara contoh pembahagiannya adalah seperti berikut:



Rajah 1: Diambil dari slaid Hubungan Etnik Nur Azuki (2008)

Ukuran baik buruk dan pernyataan berkenaan batas biasanya dikaitkan dengan nilai. Nilai dibentuk melalui idea yang dikongsi bersama oleh masyarakat tentang apa yang baik, betul dan dikehendaki (Sh. Alawiyah Al-Sagof, 1985), idea-idea yang dikongsi masyarakat tentang apa yang baik meliputi tanggapan apa yang baik atau apa yang buruk dalam sesebuah kebudayaan (Mohd Salleh Lebar, 1998). Ia merupakan satu prinsip umum yang menyediakan anggota masyarakat dengan satu ukuran untuk membuat pengadilan dan pemilihan mengenai tindakan dan matlamat yang tertentu (Ting Chew Peh, 1983). Nilai dikategorikan dalam dua bentuk iaitu Substantif (meliputi instrumental dan ekstrinsik berkenaan mutu, kebernilaian objek, keadaan dan tingkah laku untuk capai nilai mutakhir) dan Integratif (nilai mutakhir, mutlak dan ideal yang boleh menjadi rasional).

Hormat menurut Kamus Dewan bermaksud mempunyai pandangan yang tinggi terhadap seseorang dengan memberikan layanan yang penuh sopan, khidmat, takzim. Perbuatan untuk menyatakan rasa khidmat atau takzim, menaruh penghargaan (khidmat, takzim), menghormati memberi (melahirkan, menaruh) hormat dan menerima serta mematuhi (aturan dan lain-lain), menghargai, menjunjung tinggi, memuliakan dan membuatkan individu itu disegani. Hormat boleh berada di bawah pelbagai kategori nilai samada material, ekonomi, moral, sosial, politik, estetika, agama, intelek, profesional dan sentimental. Hormat juga merujuk kepada saling menerima/meraikan kepelbagaian. Norma hormat dikawal oleh nilai yang ditetapkan oleh masyarakat atau budaya. Pembangunan kebudayaan merangkumi nilai dan norma satu kemestian untuk mencapai tahap yang lebih tinggi. Penghayatan dan penghormatan terhadap nilai-norma bersama membentuk penyatuan budaya bangsa akan memudahkan capaian negara maju.

### Justifikasi Penumpuan kepada Teras Norma Hormat

Hormat menghormati dalam Islam merupakan teras norma yang perlu dihidupkan dalam setiap ahli masyarakat.

1. Rasulullah S.A.W. mengajar umatnya supaya menghormati tetamu dalam sabdanya:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُكْرِمْ ضَيْفَهُ. [رواه البخاري ومسلم]

“Barang siapa yang beriman kepada Allah dan Hari Akhirat, maka muliakanlah (hormatilah) tetamunya.”(Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

2. Isu imej dan penjenamaan. Kini, umat Islam amnya digambarkan dengan imej yang buruk, antaranya dilabelkan sebagai pengganas. Oleh itu, kesempatan dan peluang memperbaiki imej tersebut perlu diambil. Semasa kehadiran tetamu dari pelbagai negara, agama dan budaya yang memperlihatkan hakikat mulia akhlak Islam perlu dihidupkan, antara norma hormat yang perlu diutamakan ialah: (e-khutbah, JAKIM)

a. Percakapan baik, lembut dan bersopan santun, ia akan menyerlahkan keindahan Islam.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُقُلْ خَيْرًا أَوْ لِيَصْمُتْ [رواه البخاري ومسلم]

“Barang siapa yang beriman kepada Allah dan Hari Akhirat, maka berkatalah perkara baik-baik atau (kalau tidak boleh) maka diamlah.”(Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

b. Tingkahlaku mulia, seperti mengamalkan sikap tolong menolong dan bersedia memberikan bantuan bagi memudahkan sebarang urusan. Firman Allah SWT:

قُلْ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ مِثْلُكُمْ يُوحَىٰ إِلَيَّ أَنَّمَا إِلَهُكُمُ إِلَهُ وَاحِدٌ فَمَنْ كَانَ يَرْجُوا لِقَاءَ رَبِّهِ فَلْيَعْمَلْ عَمَلًا صَالِحًا وَلَا يُشْرِكْ بِعِبَادَةِ رَبِّهِ أَحَدًا ﴿١١٠﴾

Katakanlah: Sesungguhnya Aku ini manusia biasa seperti kamu, yang diwahyukan kepadaku: “Bahwa Sesungguhnya Tuhan kamu itu adalah Tuhan yang Esa”. barangsiapa mengharap perjumpaan dengan Tuhannya, Maka hendaklah ia mengerjakan amal yang saleh dan janganlah ia mempersekutukan seorangpun dalam beribadat kepada Tuhannya”. ( Surah Al-Kahfi : Ayat 110 ).

c. Berperwatakan menceriakan dan sentiasa memberikan senyum hati dan perasaan senang untuk para tetamu berintraksi dengan kita. Ini sesuai dengan apa yang pernah dipesan oleh Rasulullah saw bahawasanya senyum itu adalah merupakan suatu sedekah.

d. Menjaga emosi dan situasi yang mengeratkan hubungan. Mengawal emosi adalah sangat penting dalam menghadapi cabaran-cabaran yang berterusan kepada umat

Islam. Kematangan mengurus konflik supaya keindahan Islam tergambar dalam penghayatan peribadi umat Islam.

- e. Hormat-menghormati, bantu-membantu dan tolong-menolong serta menyembunyikan keburukan seseorang. Sesungguhnya sesiapa yang berbuat demikian ganjarannya adalah amat besar di akhirat kelak. Memperli, memperolok-olok, mengejek, menghina, memperleceh, memperlekeh, memanggil dengan gelaran yang memalukan, menyatakan kekurangan orang secara terang-terangan dan sebagainya adalah perbuatan yang sangat dilarang oleh Allah SWT.

### **Bagaimana Norma Hormat mampu menyelesaikan konflik etnik?**

Jawapan awal kepada persoalan ini perlu kembali kepada aplikasi di sebalik norma hormat sebagaimana berikut:

#### 1. Hormat pada diri sendiri

Diri sendiri perlu dihormati dahulu dalam usaha menyelesaikan konflik. Ini kerana kebiasaan konflik bermula dari diri yang tidak sempurna emosi, akal dan kerohaniannya. Hormati diri dengan cara mengawal pemikiran dan corak tingkah laku, berkebolehan membuat pilihan dan mengawal tingkahlaku negatif, peningkatan hubungan norma dan nilai mampu.

#### 2. Hormat antara manusia

Apabila selesai hormati diri, maka boleh dimulakan dengan membina hubungan personal dan interpersonal, membantu proses sosialisasi individu, memotivasikan masyarakat dan menyatupadukan masyarakat dengan nilai-norma bersama

#### 3. Membina tanggungjawab dan peranan

Usaha seterusnya menyemai nilai positif dan kebersamaan, memajukan hidup dengan penuh kesedaran dan tanggungjawab, membudayakan pendidikan yang mampu menyeimbangkan moral dan teknologi serta menanamkan cita-cita dan semangat, lambang dan harapan, nilai dan adat resam yang menggerakkan perubahan dan membina matlamat bersama untuk mencapai pengisian kemerdekaan.


3 langkah tadi akan membina jatidiri masyarakat yang terbaik. Personaliti unggul rakyat Malaysia pastinya memperakukan status masyarakat dan individu serta kepercayaan mereka. Mematuhi batas wajib tetap; undang-undang negara, agama dan hak asasi manusia dan juga batas tidak wajib tetap (boleh dinilai semula dengan mengambilkira batas wajib tetap) seperti usages, taboo, mores, folkways dan costumes. Mereka akan bertindak atas perundangan negara, belajar dan mengetahui budaya etnik lain, cakna dengan sensitiviti etnik lain, meraikan kelainan selagi ia tidak melanggar norma biasa manusia, bergaul dan berkomunikasi, menghindari stereotaip dan prejudis, menasihati kumpulan yang ekstrim perkauman, chauvanism yang menghina apa-apa bentuk lambang dan nilai kumpulan etnik lain supaya kembali kepada semangat Rukun Negara

Personaliti unggul masyarakat Malaysia tidak akan berbicara dan berdebat mengenai batas perbezaan antara etnik, tidak memulakan konflik melibatkan perkauman dan tidak akan

menghasut kumpulan yang dipengaruhinya. (<http://tanlt.tripod.com/hormat.htm> by [decks](#) on Wed Dec 24, 2008 11:35 pm)

## Model Teras Norma Hormat dan Keutamaannya

Penulis akan mengetengahkan model teras norma hormat yang menampilkan sasaran dan pelaku, kemudiannya indikator atau perlakuannya yang membentuk ciri-ciri. Dua lapisan ini jika disinergikan akan menampilkan unsur integrasi merentasi kaum, agama, darjat, harta dan pangkat, bentuk hubungan mesra, sopan dan menghormati orang lain serta menghargai budi, jasa, pendapat dan kebolehan orang lain:



Perincian model adalah sebagaimana berikut:

1. Memuliakan dan taat kepada ibu bapa, orang tua, guru, rakan, jiran tetangga dan pemimpin. Usaha ini melahirkan individu yang bercirikan; ikhlas dan tidak mengharap balasan, tidak mengira keturunan, pangkat, kedudukan dan harta, tidak menyinggung perasaan ibu bapa dan menerima nasihat serta tunjuk ajar.
2. Hormat kepada Raja dan Negara. Ciri-ciri individunya; mempunyai perasaan taat setia, mengetahui perkembangan dalam pentadbiran Negara, mengharumkan nama Negara, mendokong dan mengamalkan prinsip rukun Negara, sanggup berkorban jiwa dan harta benda dan tidak mengeluarkan tomahan, ancaman dan kata-kata yg mengugat keamanan
3. Hormat kepada Hak Asasi. Seseorang itu berhak melakukan sesuatu asalkan tidak melanggar undang-undang Negara. Mengetahui hak berucap, mengeluarkan fikiran, beragama, berpendidikan, mengundi, berpersatuan dan berpolitik. Individu itu mempunyai perasaan untuk menjalin kerjasama dan persefahaman, menghormati hak diri dan orang lain, bersikap terbuka tanpa melampau, menerima pendapat serta teguran orang lain secara ikhlas dan sanggup menerima hukuman apabila melakukan kesalahan.

4. Hormat kepada Kepercayaan dan Adat Resam pelbagai Keturunan. Individu berpersonaliti unggul mengamalkan adat resam dan kebudayaan sendiri, tidak mengejek, mengutuk, menghina adat dan kepercayaan orang lain serta bebas mengamalkan adat dengan tidak melanggar peraturan.
5. Hormat kepada keperibadian individu. Ciri-cirinya ialah menjaga perasaan orang lain, menghormati golongan yang kurang bernasib baik, tidak memandang rendah orang lain dan mempertimbangkan pendapat orang lain.
6. Patuh kepada undang-undang. Ciri-cirinya ialah memahami pentingnya undang-undang, menerima hukuman setimpal, berhati-hati dalam tindakan supaya tidak melanggar undang-undang, mengetahui hak sendiri
7. Patuh kepada ketepatan masa. Ciri-cirinya ialah menepati janji, mengurus masa, mengguna jadual waktu, tidak berlengah-lengah menyiapkan kerja dan tidak menangguh kerja.
8. Menghargai kebijaksanaan, pengalaman dan jasa. Menghargai jasa pekerja yang beri khidmat, ilmu dan tenaga, menghargai pengorbanan ibu bapa, memberi penghormatan kepada tokoh-tokoh, menghargai tenaga pekerja, menghargai perkhidmatan, jasa dan sumbangan golongan pekerja.
9. Menghargai maruah diri. Mengamalkan sifat-sifat murni seperti baik hati, bercakap benar, berhemah tinggi, tidak merosakkan nama baik sendiri, menjaga perbuatan, tingkahlaku dan pertuturan dan berpakaian secara sopan.

### **Institusi dan Kaedah Penginstitusian**

Sebelum merujuk kepada proses penginstitusian, perlu dijelaskan secara ringkas berkenaan institusi. Umumnya institusi didefinisikan sebagai bentuk-bentuk tatacara yang tertubuh secara sosial dan menjadi satu amalan. Penggunaan yang luas ini digambarkan bagi menerangkan institusi sosial sebagai struktur dan jentera sosial melalui mana masyarakat manusia mengurus, mengarah dan melaksanakan pelbagai aktiviti yang diperlukan untuk memenuhi keperluan manusia (Maciver dan Page, 1970, Panunzio, 1939 dan Eubank, 1932). Institusi merupakan pola yang tertubuh untuk memenuhi pelbagai keperluan manusia yang lahir dengan adanya pelbagai resam (mores) sebagai satu penetapan penggunaannya (Summers *et al.*, 1995 h. 923). Ia mempunyai konsep kebajikan masyarakat dan melahirkan satu struktur. Ia melibatkan bukan sahaja bentuk aktiviti yang lahir dari segi sosial untuk memenuhi keperluan manusia tetapi juga bentuk organisasi bagi melaksanakannya (Roucek dan Warren, 1979 h. 103). Ia mempunyai ciri-ciri bentuk yang tertubuh atau syarat-syarat tatacara bagi aktiviti kelompok (Hamilton, 1935 h. 88, *International Encyclopedia Of The Social Sciences*, 1968 h. 409).

Institusi termasuk kepercayaan dan pelaksanaan yang disepakati masyarakat dan tidak hanya tergantung kepada penilaian, keinginan dan kebiasaan individu secara tersendiri. Ia mampu berupa norma-norma tidak formal hingga organisasi formal yang kompleks. Ia dilihat sebagai idea tentang fokus dasar dari organisasi yang sama bagi semua masyarakat. Ia didefinisikan sebagai prinsip-prinsip pengaturan yang mengorganisasikan hampir seluruh

kegiatan individu dalam masyarakat pada bentuk pengorganisasian dan dipandang sebagai ciri dan kerangka dari penampilan individu. Institusi membatasi perilaku individu dan mengawasi perilaku rasional dalam batasan yang muncul dari peraturan institusi. (Durkheim 1938, Margolis 1982, Koford dan Miller 1991, Shepsle 1979, Weingast 1987 dan Schotter 1981). Menurut North (1990), dalam institusi terdapat: norma, budaya dan etika, yang merupakan suatu ketentuan yang tidak tertulis tetapi dipraktikkan (North, D.C. 1990 h. 2 – 3). Hasan Langgulung (1988) menyimpulkan bahawa kebanyakan pengkaji menegaskan institusi ialah sistem dan peraturan yang abstrak. Ia terdiri dari kod-kod, norma-norma dan ideologi-ideologi samada bertulis atau tidak dan merupakan pelengkap material seperti Bayt al-Hikmah, Madrasah Nizamiyah atau organisasi simbolik seperti gerakan Mu'tazilah, Ashā'irah dan Sufi Ikhwān al-Safa' (Hasan Langgulung, 1988 12 – 13 dan 1986, h. 43)

Konsep institusi berbeza dengan persatuan dan kumpulan. Ini kerana apabila suatu kelompok manusia membentuk persatuan, ia pasti akan membuat peraturan, struktur organisasi dan tugas-tugas setiap ahli. Bentuk-bentuk inilah institusi, setiap persatuan mempunyai ciri-ciri institusi yang berhubung dengan kepentingan tertentu. Ahli persatuan adalah kepunyaan persatuan dan bukan institusi, begitu juga sekolah adalah tempat pengajian dan corak pentadbiran adalah satu institusi. Ini menjelaskan bahawa institusi dan persatuan adalah istilah yang sama tetapi melalui rujukan yang berbeza. Begitu juga istilah kumpulan, ada institusi yang ditubuhkan oleh kumpulan dan ada yang ditubuhkan oleh persatuan. Contohnya perayaan dan istiadat, ditubuhkan untuk pertemuan. Pertemuan ini tidak ditubuhkan oleh persatuan, tetapi oleh kumpulan. Institusi perkauman juga berbeza dengan institusi persatuan, ia tidak dihasilkan dengan tindakan sengaja oleh satu badan yang menghasilkannya, tetapi ia terhasil tersendiri dari suatu kumpulan dan beransur menerima pengakuan sosial (Maciver dan Page, 1970 h. 26 – 27).

Masyarakat manusia memberikan penekanan berbeza berkenaan saling hubungan antara institusi. Sesetengah masyarakat mengatakan institusi keluarga adalah institusi utama berbanding institusi lain. Institusi pemerintahan mempunyai kuasa yang besar terhadap institusi lain. Tetapi perlu diingat bahawa sejarah telah membuktikan pada abad ke 13M di Eropah, institusi gereja telah mengambil alih banyak fungsi pemerintahan/politik, sosial serta ekonomi (Roucek dan Warren, 1979 h. 105 dan *Perlembagaan Persekutuan* Jun 2001)

Pembentukan institusi dan penginstitutionan adalah sebagai pelengkap fitrah hidup manusia. Manusia secara tabi'inya hidup berkumpulan, situasi sebeginilah menjadi asas melahirkan 'Umrān (peradaban) (Ibn Khaldūn t.t. h. 39). Manusia tidak boleh hidup bersendirian dan tenaga fizikal manusia tidak dapat mengatasi kekuatan haiwan yang sesetengahnya boleh hidup secara bersendirian (Ahmad Shalaby, 1968 h. 3). Setiap perkara dalam kehidupan sentiasa memerlukan susun atur yang ditetapkan (fitrah) (Osman Raliby, 1978 h. 136 dan Ibn Khaldūn).

Al-Faruqi (1992) menegaskan bahawa dasar-dasar Islam dahulu ditegakkan di atas institusi-institusi yang diwujudkan oleh Rasulullah s.a.w. dan diteruskan sehingga kini. Syariat Islam menyatukan institusi dan memberikannya arah dalam usaha melindungi dan mengembangkannya. Institusi Islam meliputi kesemua kegiatan kehidupan (Ismail al-Faruqi, Ismail Ragi dan Lamyā Lois, 1992 h. 149 – 150). Perkembangan manusia dibentuk oleh institusi melalui segenap segi dalam kehidupan dan masa yang berlalu meliputi hal-hal

peribadi, kekeluargaan, masyarakat, negara dan antarabangsa (Abdul Basit Husain, 1962 h. 113).

Berdasarkan kenyataan yang dirujuk, penginstitutionan HORMAT mampu wujud dalam dua keadaan:

1. Secara sengaja melalui suatu badan organisasi formal yang dibina, disusun, diikat dan ia menstruktur sesuatu, membentuk peraturan dan sistem lengkap yang diadakan bagi tujuan tertentu atau suatu yang sudah berakar umbi dan menjadi kukuh dan disepakati dalam masyarakat.
2. Secara tidak langsung melalui pembentukan fitrah manusia, bentuk-bentuk tatacara yang tertubuh secara sosial dan menjadi satu amalan. Ia mempunyai kombinasi norma, budaya dan etika yang merupakan suatu ketentuan yang tidak tertulis tetapi dipraktikkan.

Kedua-dua keadaan mempunyai ciri-ciri yang sama dari sudut:

1. Memenuhi pelbagai keperluan manusia yang lahir dengan adanya pelbagai resam (mores) sebagai satu penetapan. Ia mempunyai konsep kebajikan masyarakat.
2. Melahirkan sistem dan aktiviti sosial yang dibentuk secara berorganisasi dan berkelompok. Ia mempunyai peraturan yang abstrak berupa kod dan norma-norma tidak formal ataupun yang formal, termasuk ideologi dan peraturan bertulis atau tidak.
3. Pembinaan institusi termasuk pelaksanaan kepercayaan yang disepakati masyarakat dan tidak hanya bergantung kepada penilaian, keinginan dan kebiasaan individu secara tersendiri.
4. Ia membentuk perilaku individu dalam masyarakat dengan peraturannya. Ia dianggap sebagai ciri dan kerangka dari penampilan individu pembina dan pemimpinnya.

### **Bagaimana menginstitutionkan Hormat**

Institusi hormat bukan sekadar membentuk pasukan berseragam, tabik hormat, salam permulaan kelas kepada guru dan pernyataan protokol dalam ceramah bahkan ia lebih kepada pengstruktur aktiviti. Kaedah penginstitutionan nilai norma Hormat dicadangkan lebih berstruktur dengan cara:

1. Menentukan matlamat jangka panjang, menggariskan kaedah-kaedah dan tindakan-tindakan bagi institusi hormat. Strategi diperlukan sebagai penggabungan perencanaan dan penyepaduan pelbagai sumber yang dimiliki untuk menghadapi persekitaran dengan sebaik-baiknya yang menjadi jambatan antara masa kini dengan masa depan. Firman Allah s.w.t:

وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ تُرْهَبُونَ بِهِ عَدُوَّ اللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ وَأَخْرِينَ مِنْ دُونِهِمْ لَا تَعْلَمُونَهُمُ اللَّهُ يَعْلَمُهُمْ ۗ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يُوَفَّ إِلَيْكُمْ وَأَنْتُمْ لَا تُظْلَمُونَ

“Dan siapkanlah untuk menghadapi mereka kekuatan apa sahaja yang kamu sanggupi dari kuda-kuda yang ditambat untuk berperang (yang dengan persiapan itu) kamu menggentarkan musuh Allah, musuhmu dan orang-orang selain mereka yang kamu tidak mengetahuinya;



sedang Allah mengetahuinya. Apa saja yang kamu nafkahkan pada jalan Allah nescaya akan dibalasi dengan cukup kepadamu dan kamu tidak akan dianiyai.” surah al-anfal: 60

Perancangan ini berniat Kerana Allah Taala. Visinya adalah pembangunan negara manakala misinya perpaduan kaum di Malaysia.

2. Menganalisa strategi penginstitusiannya, terutama apabila berlaku perubahan keadaan dalaman ataupun persekitarannya. Untuk menjayakan perubahan ini, pimpinan perlu membentuk suatu gambaran mengenai kunci pengaruh ke atas pilihan strategi bagi mengenalpasti keadaan strategik yang dihadapi oleh institusi hormat itu. Ia menyediakan latarbelakang ke atas pilihan masa depan yang mungkin dibuat, dan petunjuk dalam kesusahan-kesusahan yang bakal dihadapi untuk melaksanakan strategi. (Crispin Dale, 2000)
3. Pemilihan dan Pelaksanaan Strategi. Pemilihan strategi melibatkan membuat keputusan mengenai masa depan dan cara bagaimana organisasi harus bertindak atas sebarang tekanan dan gangguan yang dihadapi. Penginstitusian hormat mesti menjurus kepada 3 cadangan/alternatif untuk dilaksanakan: Pembangunan dalaman, penggabungan dan kerjasama antara organisasi. Perancangan melaksanakan strategi yang dipilih haruslah dibuat serta-merta. Struktur perlu dikemas. diuruskan dengan sebijaknya. Cara mengurus perubahan yang dibuat juga penting bagi memastikan kejayaannya. Kepimpinan adalah dititikberatkan. Perlulah diingat bahawa perubahan ini haruslah selari dengan visi dan misi.

## Penutup

Rakyat Malaysia mesti saling menghormati, memecahkan tembok perkauman dan menjadi teladan yang baik kepada umat manusia seumumnya.

## Rujukan

Abdul Basit Husain, Abdul Hamid Lutfi, Abdul Rahman dan Muhammad Tal'at, (1962), Usūl 'Ilmu al-Mujtamā', t.t.p.: Matba'ah Lujnah al-Bayān al-'Arabi.

Ahmad Shalaby (1968), Kehidupan Sosial Dalam Pemikiran Islam (terj.), Khartom, Sudan: t.p..

Crispin Dale, The UK tour-operating industry: A competitive analysis Journal of Vacation Marketing October 2000 6: 357-367

Durkheim 1938, Margolis 1982, Koford dan Miller 1991, Shepsle 1979, Weingast 1987 dan Schotter 1981 yang diringkaskan dan dipetik dari: <http://b.ac.id/sarjana/kurikulum/sarjana/pl462/paper2002-2003/pengembangan%20kelembagaan.htm>, Disember 2003.

e-khutbah JAKIM

Ibn Khaldūn (t.t.), Muqaddimah Ibn Khaldūn, Kāherah: Dār al-Sha'b.

International Encyclopedia Of The Social Sciences (1968), Sills (pnyt.), Vol. 14, USA: Macmillan Company & The Free Press.

Ismail al-Faruqi, Ismail Ragi dan Lamyia Lois (1992), *The Cultural Atlas Of Islam* (terj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hamilton (1935), *Encyclopedia of Social Sciences*, Vol. 3. New York: t.p.

Hasan Langgulung (1988), *Pendidikan Islam Menghadapi Abad ke 21*, Jakarta: Pustaka al-Husna

\_\_\_\_\_ (1986), *Pengenalan Tamadun Islam Dalam Pendidikan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Maciver dan Page (1970), *Masyarakat; Satu Analisa Permulaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

North, D.C. (1990), *Institutions, Institutional Change and Economic Performance*, New York: Cambridge University Press

Osman Raliby (1978), *Ibnu Khaldun tentang Masyarakat dan Negara*. c. 4, Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.

Panunzio (1939), *Major Social Institutions*, New York dan Eubank (1932), *The Concepts of Sociology*, New York: t.p.

Perlembagaan Persekutuan (Jun 2001), *Lembaga Penyelidikan Undang-undang*, Kuala Lumpur: International Law Book Service.

Roucek dan Warren (1979), *Sosiologi; Suatu Pengenalan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Summers et al., (1995), *Longman Dictionary of Contemporary English*, c. 3, England: British National Corpus.

<http://tanlt.tripod.com/hormat.htm> by decks on Wed Dec 24, 2008 11:35 pm

<http://bimbingansepanjanghayat.blogspot.my/2011/02/hormat-menghormati.html>

<http://www.google.com/e-muamalat.gov.my1432003HormatMenghormatiDalamIslam.doc>